



# DULU DAN KINI

## Jumpa vs Maya



### Boleh Ke Tidak?

Dengan melayari internet, sama ada untuk mencari bahan dan maklumat bagi tujuan pembelajaran mahupun kerja, menjadi lebih mudah dan cepat. Hal ini kerana semuanya berada di hujung jari anda. Justeru, mari kita lihat apa yang BOLEH dan TIDAK BOLEH dilakukan semasa melayari internet. Berikut adalah antara langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil:

### Bersemuka

#### Situasi 1

"Kring, kring", "Kring, kring".

A: Hello, nak bercakap dengan siapa?  
B: Hello, nak bercakap dengan saudari.  
A: Siapa ni?  
B: Saya, tak kenal ke?

A terus meletak telefon.  
Mak: "Siapa tu?".  
A: "Entahlah mak. Salah nombor rasanya."

Klik sana, klik sini, mengambil gambar. Setelah semua filem dicuci, niat di hati hendak pos kepada nenek. Namun, gambar itu masih berada di dalam sampul.

Di pusat membeli belah.

"Wah cantik la beg ni. Kulit betul ni," Wati memberitahu Aliah.  
"Tapi kedai sana lagi murah," kata Aliah.  
"Okay, jom kita pergi tengok di kedai sana. Kalau sama kualiti, saya beli," kata Wati.

Mereka pun pergi untuk membandingkan harga dan kualiti.

Jika membeli belah secara online, kenalah sentiasa berhati-hati.  
Tidak semua barang yang dijual seperti yang diiklankan.

Laporkan sebarang ancaman siber ke:  
[cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my)  
talian telefon bimbit +60 192665850 pada bila-bila masa sahaja.  
Aduan juga boleh dibuat dengan menghubungi Talian Nur 15999.

### Maya

Suatu hari di hadapan komputer sambil melayari Facebook.  
MachoBoy: Hi! J  
IamPreety: Hi!  
MachoBoy: Cantik gambar profail awak.  
IamPreety: TK, J. Awak punya pun menarik.  
Perbualan diteruskan.

\* Dari situasi ini kita boleh lihat, pada zaman sekarang, kita masih melayari seseorang walaupun kita tidak pernah berjumpa mahupun kenal.

Klik sana, klik sini.  
Yeay, nak muat naik sekarang juga.  
Facebook status: Hari ini saya makan ini...  
"Gambar hidangan makanan."  
Tidak lama kemudian,  
Ping! .... PM dari Emma,  
"Hey beb, I nampak gambar you dalam Facebook. You ada bagi dia guna gambar you ke? Gambar tu seksi tau."  
Rupa-rupanya gambar makanan itu ada gambar dia yang berpakaian seksi.  
Oh tidak!!!!!!!

Gambar dimuat naik ke laman sosial. Gambar-gambar yang seksi turut menjadi tontonan ramai. Jika kita tidak tetapkan privasi untuk gambar dan album ke only me atau friends only, semua orang boleh melihat gambar tersebut.

"Yati, laman sesawang ni ada menjual beg kulit dan murah," jerit Nadia dari bilik tidur.  
"Betul ke ni, atau scam sebab ada satu lagi laman jualan online menunjukkan benda yang sama tapi harga lagi murah. Baik-baik jangan tertipu," pesan Yati.  
"Tak apa, saya nak yang murah ini. Dari gambar memang kulitlah. Lagipun dia menggunakan gambar yang sama."  
Beberapa hari kemudian.  
"Oh tidak!!! Ni bukan kulit," Yati rasa hendak menangis.